

27 MAR 2004

Profil-Bukan Menteri (Muka baru)

PROFIL MUKA-MUKA BARU DALAM KERAJAAN BN YANG BARU DIBENTUK

KUALA LUMPUR, 27 Mac (Bernama) -- Berikut ialah profil muka-muka baru dalam kerajaan BN yang baru dibentuk diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini.

JABATAN PERDANA MENTERI:

1. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri JOSEPH ENTULU BELAUN

ialah bekas Menteri Muda Sarawak di Pejabat Ketua Menteri.

Joseph, 49, Ketua Pemuda Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS), berkhidmat sebagai menteri muda di Sarawak sejak 1998.

Pada pilihan raya umum baru lalu, bekas pensyarah perakaunan Universiti Teknologi Mara (UiTM), yang bertanding kerusi Parlimen Selangau, menewaskan calon SNAP Liman Sujang dengan majoriti 3,616 undi.

Pemegang ijazah sarjana dalam kewangan, pertama kali bertanding dalam pilihan raya umum negeri Sarawak pada 1991 dan menang kerusi negeri Tamin, serta mengekalkan kerusi itu pada pilihan raya negeri 1996.

Dilahirkan di Tamin pada 8 Jun 1954, Joseph kini berumah tangga dengan dikurnia dua orang anak.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri DATUK DR MASHITAH IBRAHIM, 39, adalah seorang pendakwah dan penceramah agama terkenal, yang telah menewaskan bekas imam besar Masjid Negara Datuk Taib Azamudden Md Taib dalam pilihan raya umum Ahad lepas.

Mashitah menumpaskan penyandang kerusi Parlimen Baling itu dengan majoriti 4,100 undi.

Bekas Pensyarah dan juga Penolong Profesor Jabatan Al-Quran dan Sains Kemanusiaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) itu mempunyai ijazah kedoktoran dalam bidang Syariah daripada Universiti Cairo dan ijazah sarjana muda pengajian Islam daripada Universiti Al-Azhar.

Anak kelahiran Alor Star ini, kini bergiat dalam bidang perniagaan dengan mengusahakan sebuah butik busana muslim di Gombak, Selangor.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri DATUK JOHARI BAHARUM, 49, adalah Setiausaha Politik 1 Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Naib Ketua Penaja Umno Bahagian Kubang Pasu itu telah bertanding kerusi Parlimen Kubang Pasu yang dikosongkan oleh bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad pada pilihan raya umum Ahad lepas.

Beliau telah menewaskan calon PAS Dr Abdul Isa Ismail dengan majoriti 13,712 undi.

Johari, yang memulakan kerjayanya sebagai seorang guru pada 1977, telah dilantik sebagai Setiausaha Politik Menteri Dalam Negeri Abdullah pada tahun 1999.

Pada Mac tahun lepas, beliau dilantik sebagai Setiausaha Politik 1 kepada bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dan terus memegang jawatan tersebut apabila Abdullah mengambil alih jawatan perdana menteri pada 31 Okt lepas.

KEMENTERIAN KEWANGAN:

Timbalan Menteri Kewangan TENGGU PUTERA TENGGU AWANG, 46, adalah antara empat calon Barisan Nasional di Terengganu yang menang dalam pilihan raya umum 1999.

Ketua Penaja Umno Bahagian Hulu Terengganu itu berjaya mengekalkan kerusi Dewan Undangan Negeri kawasan Telemung yang dimenangnya pada pilihan raya umum 1995.

Lulusan dalam bidang pentadbiran awam daripada UiTM dan ijazah dalam bidang ekonomi daripada Universiti Kebangsaan Malaysia, telah dilantik sebagai Exco Pembangunan Infrastruktur dan Kemudahan Awam Negeri Terengganu pada 1995.

Anak kelahiran Hulu Terengganu itu yang berkahwin dengan Halijah Ali dikurniakan lima orang anak, dua lelaki dan tiga perempuan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan DATUK DR HILMI YAHAYA, 55, adalah bekas Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang dan anggota Exco kerajaan negeri Pulau Pinang.

Bekas doktor kerajaan, Hilmi pernah dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam dalam kerajaan negeri selama dua penggal sejak tahun 1990. Pada 1995 jawatan beliau ditambah meliputi Pengangkutan dan Komunikasi.

Pada 1999, beliau dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Agama, Hal Ehwal Tanah, Perancangan dan Penyelarasan Program Pembangunan Negeri selain menjalankan tugas sebagai Timbalan Ketua Menteri.

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Pulau Pinang itu, juga merupakan Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Pemandu Penyertaan Bumiputera Pulau Pinang (JKP).

KEMENTERIAN KESELAMATAN DALAM NEGERI

Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, DATUK WIRA ABU SEMAN YUSOP, 60, merupakan Pengerusi Majlis Amanah Rakyat (MARA).

Beliau yang juga Bendahari Badan Perhubungan Umno Negeri Melaka dan Ketua Penaja Umno Bahagian Masjid Tanah adalah seorang peguam yang mempunyai firma guamannya sendiri Tetuan Abu Seman & Co.

Abu Seman yang pernah bertugas sebagai Inspektor polis, pegawai penyiasat Badan Pencegah Rasuah dan Biro Siasatan Negara pada awal tahun 1970an, berkelulusan ijazah undang-undang daripada Middle Temple, London.

Sekembalinya dari London, beliau dilantik sebagai Timbalan Pendakwa Raya di Jabatan Peguam Negara pada 1978, dan kemudian meninggalkan jawatan itu untuk menyertai Perbadanan Perkapalan Malaysia Berhad (MISC) sebagai Pegawai Eksekutif Kanan Perundangan.

Beliau berkahwin dengan Datin Wira Rahimi Yeop dan dikurniakan dua orang anak iaitu Abu Azrine (31) dan Abu Erwann (24).

KEMENTERIAN DALAM NEGERI:

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri DATUK PADUKA ABDUL RAHMAN IBRAHIM adalah bekas exco kerajaan negeri Kedah, yang menewaskan Timbalan Pesuruhjaya PAS Kedah, Mahfuz Omar pada pilihan raya umum baru lepas.

Beliau mengalahkan Mahfuz, penyandang kerusi Parlimen Pokok Sena dengan majoriti 7,300 undi.

Bekas Ketua Umno Pokok Sena yang pernah `direhatkan' sebagai calon BN pada pilihan raya umum 1999, telah menggunakan sebaik mungkin `cuti rehat politiknya' untuk melanjutkan pelajaran hingga ke peringkat Sarjana Kesusasteraan di Universiti Utara Malaysia pada usia yang menjangkau 50 tahun.

Beliau yang memulakan kerjayanya sebagai seorang guru pada 1970, mula bertanding pada pilihan raya umum 1986 di kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Derga dan mengekalkan kerusi tersebut untuk dua penggal. Beliau dilantik sebagai Exco Kerajaan Negeri Kedah pada 1990 hingga tahun 1999.

Pada pilihan raya umum 1995, beliau bertanding dan menang di DUN Tanjung Seri yang merupakan kerusi baru.

Abdul Rahman yang dilahirkan pada 21 Ogos 1949 di Kg Kandai, Kota Setar, pernah menjawat jawatan Timbalan Pengarah Biro Tatanegara selama empat tahun sebelum dipilih sebagai wakil rakyat.

KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI:

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri DATUK HUSNI HANADZLAH, 52, juga pengerusi Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), adalah seorang sarjana ekonomi Universiti Malaya.

Memulakan kerjayanya sebagai pegawai audit dengan Coopers & Lybrand pada 1972 dan kemudian kredit analisis dengan Chase Manhattan Bank empat tahun, beliau punya gabungan pengalaman dalam bisnes dan politik.

Pada 1978, Husni menjadi penolong pengurus Asiavest Merchant Bankers Berhad sebelum dilantik sebagai pengurus dengan Syarikat Majuperak Bhd dan seterusnya sebagai Pengurus Besar Perbadanan Ekonomi Islam Perak.

Ketua Penaja Umno Tambun itu merupakan tokoh terkenal dalam dunia korporat, di mana beliau memiliki Isba Holdings yang berpejabat di Ipoh dan juga pengarah Felcra Berhad dan Yayasan Pelajaran Mara.

Sebagai mengiktiraf potensi dan kebolehannya yang luas, Husni dilantik

menjadi pengerusi Maltrade tahun lalu. Beliau adalah juga pengerusi Yayasan Perak.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Mah Siew Keong, 43, ialah Ketua Pemuda Gerakan dan telah menjadi anggota parlimen bagi kerusi Teluk Intan sejak pilihan raya umum 1999.

Lulusan London School of Economics dan menempa ijazah sarjana dalam pemasaran di City University, London, Mah menewaskan calon DAP Chong Tat Cheong bagi kerusi negeri Pasir Bedamar dengan majoriti 3,172 undi pada pilihan raya umum 1995.

Setiausaha Parlimen Perdagangan Antarabangsa dan Industri DATUK PADUKA DR TAN YEE KEW adalah Timbalan Ketua Wanita MCA yang banyak terlibat dalam majlis perundingan yang ditubuhkan kerajaan, termasuk Majlis Perundingan Ekonomi Negara.

Lulusan Sarjana dalam bidang Sains Perancangan dan Pembangunan Wilayah serta Doktor Falsafah (Ph.D) dari Universiti Malaya, Tan pada pilihan raya umum 1995 berjaya mengalahkan calon DAP Fong Kui Lun dengan majoriti 6,124 undi untuk merebut kerusi Parlimen Klang.

Usahawan yang terlibat dalam bahan pencuci, kosmetik dan pakaian kini dipilih sebagai Anggota Parlimen Klang untuk penggal ketiga.

KEMENTERIAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah DATUK DR AWANG ADEK HUSSIN, 48, pengerusi Tenaga Nasional Berhad (TNB) sejak penghujung 2002, meningkat begitu mendadak dalam dunia korporat dalam tempoh cukup singkat.

Dr Awang yang bersifat pendiam berkhidmat agak lama di Bank Negara Malaysia sejak menyertainya pada 1985, dan meningkat menjadi Penolong Gabenor pada 1996 hingga 2001.

Dalam politik, Awang Adek boleh dianggap muka baru. Beliau menyertai Umno cawangan Peropok pada 1997, dan dilantik sebagai Timbalan Ketua Umno

Bahagian Bachok pada April 2001 dan dua tahun kemudian sebagai Bendahari Umno Kelantan.

Pada November tahun lalu beliau dipilih menjadi ketua penaja Umno

Bahagian Bachok menggantikan Datuk Ahmad Shahibuddin Mohd Noor.

Sisawazah matematik dan ekonomi dari Universiti Drew, New Jersey, Amerika Syarikat, beliau adalah juga anggota lembaga pengarah Universiti

Tenaga Nasional Bhd, Royal Mint Exchange dan AKNMtech.

KEMENTERIAN PELANCONGAN:

Timbalan Menteri Pelancongan DATUK AHMAD ZAHID HAMIDI, 51, mempunyai pengalaman luas dalam sektor korporat, terutamanya perbankan yang mana beliau memulakan kerjaya dengan Overseas Chinese Banking Corporation (OCBC) sebelum menyertai Bank Simpanan Nasional (BSN) dan pada tahun 1994 dilantik sebagai Pengerusi BSN.

Bekas Ketua Pemuda Umno Malaysia, berkelulusan ijazah sarjana muda kesusasteraan dari Universiti Malaya dan sarjana dari Universiti Putra Malaysia, kini merupakan Pengerusi Syarikat Perumahan Negara, Pengerusi Maju Perak Bhd dan Harta Perak Corporation.

Pernah bertugas sebagai Setiausaha Politik kepada Menteri Belia dan Sukan ketika itu, Datuk Seri Najib Tun Razak dan hampir dipecat daripada Umno kerana terlibat dalam kegiatan yang disifatkan antiparti pada 1998.

-- BERNAMA

RAR AR HK HM RS